

**DALAM MAHKAMAH SESYEN JENAYAH (4) KUALA LUMPUR  
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
KES NO: WA-62CY-052-08/2017**

PENDAKWA RAYA

LAWAN

HASIMAH BINTI AZIZ

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**Pengenalan**

[1] Di dalam kes ini Orang Kena Tuduh (OKT) telah dituduh dengan pertuduhan di bawah Seksyen 4(1) (b) Akta Jenayah Komputer dengan pertuduhan berikut:

*Bahawa kamu pada tarikh di antara 13/7/2017 dan 14/7/2017 di Cawangan Maybank KLCC, Kuala Lumpur City Centre Kuala Lumpur, di dalam Daerah Dang Wangi, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah membenarkan capaian tanpa kuasa terhadap akaun Maybank kamu no. 162209955798 dan seterusnya membantu satu jenayah tipu dilakukan terhadap Saliza bin Jam dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(3) Akta yang sama.*

## **Latar Belakang Kes**

- [2] Pengadu iaitu Saliza bt Jam (SP1) telah berkenalan dengan seorang warga Amerika bernama Bao Cheng melalui Facebook. Kedua-dua mereka sering berhubung melalui Facebook dan aplikasi WhatsApp. Pada 10.07.2017 Bao Cheng memberitahu pengadu bahawa beliau mahu memberi hadiah kepada pengadu.
- [3] Pada 13.07.2017 pengadu telah menerima panggilan telefon dari seorang perempuan Melayu bernama Fatimah seorang ejen tempatan syarikat kourier iaitu Swift Courier memaklumkan bahawa barang yang dihantar oleh Bao Cheng telah sampai di Malaysia dan barang tersebut mempunyai muatan lebih.
- [4] Lalu Fatimah meminta pengadu membuat pembayaran sebanyak RM 3,800.00 sebagai kos lebihan muatan tersebut. Fatimah kemudian memberikan nombor akaun milik OKT kepada pengadu bagi tujuan kemasukan wang tersebut. Fatimah memberitahu bahawa akaun ini dimiliki oleh pegawai kastam.
- [5] Pengadu kemudian memasukkan wang sebanyak RM 3,800.00 melalui mesin CDM Maybank di KLCC ke dalam akaun milik OKT seperti diarahkan. Setelah memasukkan wang ke dalam akaun tersebut, pengadu memaklumpkannya kepada Fatimah dengan menghantar resit pembayaran kepada nombor telefon Fatimah.
- [6] Pada jam 3.15 petang tarikh 13.07.2017, Fatimah memberitahu pengadu bahawa terdapat sedikit masalah dengan barangan tersebut kerana pihak Kastam mendapat tahu bahawa ada wang tunai di dalam bungkusan barang itu dan pengadu diminta oleh

Fatimah untuk memasukkan wang sejumlah RM 11,500.00 ke dalam akaun yang sama atas alasan duit yang ada di dalam bungkusan itu tidak diisytiharkan.

- [7] Pengadu kemudian menghubungi Bao Cheng untuk mengesahkan samada ada di dalam bungkusan barang tersebut terdapat wang tunai. Bao Cheng mengesahkan dan memberitahu pengadu bahawa terdapat wang tunai USD 10,000.00 di dalam bungkusan itu.
- [8] Setelah mendapat pengesahan dari Bao Cheng, pengadu memasukkan wang sebanyak RM 11,500.00 seperti diminta oleh Fatimah ke dalam akaun OKT pada 14.02.2017 di cawangan Maybank Shafsbury, Cyberjaya.
- [9] Kemudiannya pengadu diminta oleh Fatimah untuk memasukkan lagi wang sejumlah RM 130,000.00 ke dalam akaun OKT kerana nilai sebenar wang tunai di dalam bungkusan tersebut adalah melebihi USD 10,000.00. Ini perlu dilakukan untuk menyelesaikan kes ini kerana ia melibatkan pengubahan wang haram.
- [10] Pengadu memberitahu bahawa beliau tidak mempunyai wang sebanyak itu. Lalu, Fatimah memberitahu bahawa pengadu boleh memasukkan wang sebanyak RM 55,000.00 ke dalam akaun CIMB Ardah binti Sulaiman.
- [11] Setelah merasa tertipu, pengadu membuat laporan polis.

- [12] Jumlah keseluruhan wang yang dimasukkan oleh pengadu ke dalam akaun OKT adalah sebanyak RM 15,300.00.
- [13] OKT telah ditangkap polis pada 25.07.2017. Hasil siasatan pegawai penyiasat mendapati bahawa OKT telah menyerahkan kad ATM beliau kepada kenalan Facebook iaitu seorang lelaki warga United Kingdom yang menyatakan tidak dapat membuka akaun bank di Malaysia.
- [14] OKT juga ada membuat laporan polis mengenai nombor akaun dan kad ATM serta nombor PIN yang diserahkan kepada lelaki warga United Kingdom tersebut.
- [15] Kedua-dua pengadu dan OKT saling tidak mengenali di antara satu sama lain.
- [16] OKT telah dituduh di Mahkamah pada 4hb. Ogos 2017.

### **Kes Bagi Pihak Pendakwaan**

- [17] Di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwa yang bijaksana telah menghujahkan bahawa satu kes *prima facie* telah diwujudkan terhadap OKT.

### **Beban Pembuktian Undang-Undang Pada Tahap Prima Facie**

- [18] Menurut Seksyen 173 (f) Kanun Tatacara Jenayah (Revised 1999) (Akta 593) (KTJ) pihak pendakwaan perlu membuktikan suatu kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan.

[19] Di dalam kes Mahkamah Persekutuan, **Balachandran v PP (2005) 1 CLJ 85** Augustine Paul JCA di dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa:

*"...A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal. The phrase "prima facie case" is defined in similar terms in Mozley and Whiteley's Law Dictionary, 11th edn as: A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side..."*

[20] Di dalam kes Mahkamah Persekutuan juga iaitu kes **PP v Mohd Radzi B. Abu Bakar (2006) 1 CLJ 457**, Gopal Sri Ram JCA dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan menggariskan prinsip bahawa:

*[12] After the amendments to ss. 173(f) and 180 of the CPC, the statutory test has been altered. What is required of a Subordinate Court and the High Court under the amended sections is to call for the defence when it is satisfied that a prima facie case has been made out at the close of the prosecution case. This requires the court to undertake a maximum evaluation of the prosecution evidence when deciding whether to call on the accused to enter upon his or her defence. It*

*involves an assessment of the credibility of the witnesses called by the prosecution and the drawing of inferences admitted by the prosecution evidence.*

*[15] For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:-*

- (i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;*
- (ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is "Yes", then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is "No" then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;*
- (iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;*
- (iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in Mat v. Public Prosecutor [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263.*

[21] Ini membawa makna di dalam membuat keputusan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie*, satu pertimbangan yang maksima (*maximum evaluation*) perlu dibuat ke atas segala keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan [kes **PP v Mohd Radzi B. Abu Bakar (Supra)**].

### **Analisa Mahkamah**

[22] Intipati-intipati pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

- (a) OKT pada tarikh di antara 13/7/2017 dan 14/3/2017 di Cawangan Maybank KLCC, telah membenarkan capaian tanpa kuasa terhadap akaun Maybank;
- (b) Akaun Maybank tersebut no. 162209955798 adalah milik OKT;
- (c) OKT membantu satu jenayah tipu dilakukan terhadap Saliza bin Jam.

[23] Seksyen 3 dan 4 Akta Jenayah Komputer adalah seperti berikut:

#### **3. Unauthorized access to computer material**

**(1)** A person shall be guilty of an offence if--

- (a) he causes a computer to perform any function with intent to secure access to any program or data held in any computer;
- (b) the access he intends to secure is unauthorized; and
- (c) he knows at the time when he causes the computer to perform the function that is the case.

**(2)** The intent a person has to have to commit an offence under this section need not be directed at--

- (a) any particular program or data;
- (b) a program or data of any particular kind; or
- (c) a program or data held in any particular computer.

**(3)** A person guilty of an offence under this section shall on conviction be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both

#### **4. Unauthorized access with intent to commit or facilitate commission of further offence**

**(1)** A person shall be guilty of an offence under this section if he commits an offence referred to in section 3 with intent--

- (a) to commit an offence involving fraud or dishonesty or which causes injury as defined in the Penal Code [Act 574]; or
- (b) to facilitate the commission of such an offence whether by himself or by any other person.

**(2)** For the purposes of this section, it is immaterial whether the offence to which this section applies is to be committed at the same time when the unauthorized access is secured or on any future occasion.

**(3)** A person guilty of an offence under this section shall on conviction be liable to a fine not exceeding one hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding ten years or to both.



[24] Untuk membuktikan satu prima facie terhadap OKT, pihak pendakwaan mestilah membuktikan bahawa satu kesalahan di bawah seksyen 3 telah dilakukan. Ini kerana kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 4 adalah satu kesinambungan dari kesalahan yang telah dilakukan di bawah seksyen 3.

[25] Perkara ini jelas dari penggunaan perkataan di bawah seksyen 4 iaitu *a person shall be guilty of an offence under this section if he commits an offence referred to in section 3 with intent to commit an offence involving fraud or dishonesty or which causes injury as defined in the Penal Code [Act 574]; or to facilitate the commission of such an offence whether by himself or by any other person.*

[26] Ini lebih jelas lagi, jika kita perhatikan juga hukuman yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 adalah lebih tinggi berbanding dengan seksyen 3.

[27] Kesalahan di bawah seksyen 3 adalah untuk akses kepada material komputer tanpa kuasa atau tanpa kebenaran yang sah.

[28] Bagi kesalahan di bawah seksyen 3, apa yang perlu dibuktikan adalah OKT sendiri telah melakukan satu capaian tanpa kuasa terhadap computer material. Akses yang dibuat oleh OKT adalah tanpa kebenaran atau tanpa kuasa yang sah. OKT menyebabkan sesuatu komputer itu melakukan satu fungsi bertujuan untuk mencapai akses kepada data atau program yang disimpan di dalam sebarang komputer. Akses yang hendak dicapai itu tidak dibuat dengan kebenaran dan beliau mengetahui hakikat perkara tersebut.

[29] Seksyen 3 dan seksyen 4 tidak menyatakan bahawa memberi kebenaran kepada seseorang untuk melakukan capaian tanpa kuasa kepada material komputer (computer material) merupakan satu kesalahan. Jelas sekali bahawa pertuduhan yang dikenakan terhadap OKT adalah suatu kesalahan yang tidak diketahui di bawah undang-undang.

### **Apakah Capaian Tanpa Akses Yang Dimaksudkan Oleh Pendakwa?**

[30] Dari bukti yang dikemukakan di Mahkamah, tidak jelas apakah yang dimaksudkan dengan capaian tanpa akses ini. Adakah ia merujuk kepada kemasukan atau pendepositan duit ke dalam akaun mili OKT? Atau adakah ia merujuk kepada penggunaan kad ATM milik OKT oleh orang lain? Atau adakah ia merujuk kepada pengeluaran duit dari akaun OKT?

[31] Penelitian saya ke atas keterangan saksi-saksi menunjukkan tidak ada langsung bukti bahawa capaian tanpa kuasa itu dilakukan di cawangan Maybank KLCC, jika maksud capaian tanpa kuasa ini merujuk kepada penggunaan kad ATM milik OKT. Apa yang ada hanya bukti kemasukan sebahagian wang pengadu ke dalam akaun milik OKT yang dibuat di Cawangan Maybank KLCC.

[32] Maybank KLCC adalah tempat di mana didakwa berlaku kesalahan seperti mana disebut di dalam pertuduhan. Namun begitu, tidak ada langsung bukti dikemukakan tentang penggunaan kad ATM ini di mesin ATM Maybank KLCC ataupun di mana-mana cawangan lain. Siapakah yang telah menggunakan kad ATM tersebut, bila ia digunakan dan adakah ia telah digunakan untuk mengeluarkan wang yang telah dimasukkan oleh OKT bagi tempoh yang

dinyatakan di dalam pertuduhan langsung tidak dijelaskan dengan keterangan mana-mana saksi. Kesemua ini tidak dibuktikan langsung.

- [33] Timbul juga persoalan, jika akses menggunakan kad ATM milik OKT oleh orang lain, dianggap sebagai satu capaian tanpa kuasa, maka bagaimana ia boleh dianggap sedemikian memandangkan OKT sendiri telah memberi kebenaran dengan memberikan kad ATM tersebut berserta dengan dan nombor pin kepada warga United Kingdom yang merupakan rakan Facebook beliau.
- [34] Persoalan lain yang timbul ialah siapa pula yang telah diberikan kebenaran untuk membuat akses tanpa kuasa itu. Nama individu ini tidak dinyatakan di dalam pertuduhan dengan spesifik.
- [35] Jika diandaikan bahawa memberi kebenaran capaian tanpa kuasa adalah satu kesalahan di bawah seksyen 4 Akta Jenayah Komputer, saya mendapati bahawa pertuduhan ini tidak disokong oleh bukti kerana jelas sekali OKT telah memberi kebenaran kepada individu tersebut berdasarkan keterangan pihak pendakwa sendiri.
- [36] Jika memasukkan wang ke dalam akaun OKT dianggap sebagai satu capaian tanpa kuasa oleh pihak pendakwaan, saya mendapati ia tidak memenuhi intipati kesalahan di bawah seksyen 3. Ia bukan satu akses kepada material komputer (computer material). Ia hanyalah satu transaksi biasa memasukkan wang.

- [37] Saya mendapati di bawah seksyen 4, pihak pendakwa perlu membuktikan wujud satu kesalahan lain dilakukan akibat dari capaian tanpa kebenaran sah yang dilakukan bertentangan dengan seksyen 3 Akta yang sama. Di dalam kes ini, kesalahan yang disebut di dalam pertuduhan suatu jenayah tipu terhadap Saliza binti Jam.
- [38] Malangnya kesalahan jenayah tipu tersebut tidak dibuktikan telah dilakukan. Keterangan yang diberikan oleh pengadu Saliza binti Jam hanya menunjukkan beliau telah memasukkan wang ke dalam akaun milik OKT setelah menerima panggilan telefon dari seorang wanita yang memberitahu bahawa wanita tersebut dari Jabatan Kastam dan pengadu perlu menjelaskan pembayaran Kastam untuk membolehkan barangan yang dihantar kepada pengadu diambil oleh pengadu dari Jabatan Kastam.
- [39] Elemen-elemen kesalahan tipu di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan tidak pernah dibuktikan dan tidak ada mana-mana orang telah disabitkan atau dituduh di bawah kesalahan tipu tersebut.
- [40] Tidak ada bukti tentang sabitan kesalahan tipu tersebut dikemukakan di Mahkamah dan juga tidak ada bukti dikemukakan menunjukkan bahawa kesalahan tipu tersebut dipermudahkan dengan kesalahan capaian tanpa kebenaran tersebut.
- [41] Di dalam kes ini tidak dibuktikan bahawa OKT telah memberi kebenaran kepada sesiapa *untuk to perform any function with intent to secure access to any program or data held in any*

*computer*. Apa yang ditunjukkan adalah akaun OKT telah digunakan untuk menerima kemasukan wang milik pengadu.

- [42] Bukti ini tidak mencukupi untuk memenuhi elemen yang diperlukan iaitu akses tanpa kebenaran yang sah. Ia mestilah menunjukkan bahawa kebenaran yang diberikan oleh OKT adalah bertujuan agar orang yang diberikan kebenaran itu memperolehi akses kepada komputer dan dengan akses itu orang berkenaan menyebabkan komputer berkenaan mendapat akses kepada sebarang program atau data yang disimpan oleh sebarang komputer.
- [43] Tidak ditunjukkan melalui bukti apakah program atau data yang disimpan yang telah diakses oleh OKT atau orang yang dibenarkan oleh OKT untuk membuat akses tersebut.
- [44] Di manakah material komputer yang telah diakses oleh individu yang dikatakan telah diberikan kebenaran oleh OKT untuk melakukan capaian tanpa kuasa tersebut? Apakah data dan program tersebut yang telah diakses tanpa kebenaran?.
- [45] Persoalan-persoalan ini ditinggalkan tidak berjawab dan ia mewujudkan lompang yang amat besar di dalam kes pendakwaan.
- [46] Dari keterangan yang ada, intipati-intipati penting pertuduhan tidak dibuktikan.

### **Pertuduhan Cacat**

- [47] Tanpa menamakan siapakah yang telah diberikan kebenaran oleh okt untuk melakukan capaian tanpa kuasa, pertuduhan itu jelas

sekali cacat. Individu tersebut mesti dinamakan di dalam pertuduhan. Ia mesti merujuk kepada nama spesifik.

- [48] Kegagalan menyatakan butiran ini adalah bertentangan dengan Seksyen **153 Kanun Acara Jenayah** yang menghendaki ia dimasukkan ke dalam pertuduhan. Diperturunkan Seksyen tersebut, seperti di bawah ini:

***153. Particulars as to time, place and person***

*(1) The charge shall contain such particulars as to the time and place of the alleged offence and the person, if any, against whom or the thing, if any, in respect of which it was committed as are reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged.*

- [49] Di dalam kes Public ***Prosecutor v Mohamad bin Sabu [2017] MLJU 399*** Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa kegagalan menyatakan secara spesifik siapakah yang diburukkan nama atau ditohmah (*defamed*) menyebabkan pertuduhan cacat.

**Siasatan tidak lengkap**

- [50] Dari keterangan yang dikemukakan, jelas sekali pengadu dan okt adalah mangsa penipuan di talian. OKT telah diperdaya untuk menyerahkan nombor akaun, kad ATM dan nombor PIN. Manakala pengadu pula telah diperdaya untuk membayar caj penghantaran barang dan ugutan dikenakan tindakan undang-undang melibatkan penggubahan wang haram.

- [51] Jika siasatan lebih terperinci dibuat, sudah tentu watak utama di belakang skim penipuan sebegini akan terdedah. Siasatan separuh jalan dengan mengambil jalan mudah hanya mendedahkan pemilik akaun dan kemasukan wang ke dalam akaun tersebut.
- [52] Tidak ada usaha dibuat untuk mengambil rakaman CCTV pengeluaran wang yang dibuat melalui mesin ATM setelah wang dimasukkan oleh pengadu. Keterangan pegawai bank menyatakan bahawa CCTV tersebut akan disimpan oleh bank selama tiga bulan. Dari CCTV ini dapat dipastikan siapa yang telah menggunakan kad atm tersebut.
- [53] Siasatan ke atas individu yang menggunakan kad atm ini akan membawa kepada siapakah dalang sebenar skim penipuan ini. Malangnya ia tidak dilakukan di dalam kes ini.

### **Rumusan**

- [54] Berdasarkan alasan-alasan seperti dinyatakan di atas dan setelah mendengar keterangan saksi-saksi dan keterangan yang dikemukakan termasuk eksibit dan setelah membuat penilaian maksimum, saya mendapati bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap OKT yang jika tidak disangkal akan menyebabkan sabitan kesalahan. Oleh yang demikian, saya mengarahkan agar OKT dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan tanpa dipanggil membela diri.

Bertarikh pada hari ini 2 hb Mac 2018.

.....

**(ZAMAN BIN MOHD NOOR)**

**Hakim**

**Mahkamah Khas Jenayah Siber (MSJ 4)**

**Kuala Lumpur**

**Pihak-Pihak**

TPR